

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Empat kluster masih aktif, catat pertambahan 17 kes

24 jangkitan
baharu babit 18
penularan
tempatan,
enam import

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Empat kluster COVID-19 yang masih aktif mencatatkan pertambahan 17 kes positif semalam, termasuk 13 dalam Kluster Sungai.

Secara keseluruhan, sebanyak 24 kes baharu dicatatkan semalam yang membabitkan 18 kes penularan tempatan dan enam kes import.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua 13 kes baharu dalam Kluster Sungai membabitkan individu disaring di Kedah yang setakat semalam mencecah 1,091 orang, 31 lagi disaring di Pulau Pinang dan empat di Perlis.

"Bagi Kluster Sungai, 38 kes dikesan positif di Kedah termasuk 13 kes baharu, 432 negatif dan 586 masih menunggu keputusan. Jumlah keseluruhan kes positif dalam kluster ini termasuk yang

dikesan di Perlis ialah 39."

"Bagi Kluster Telaga dan Kluster Tawar, masing-masing satu kes positif baharu dilaporkan. Kluster Telaga kini mempunyai 57 kes positif dan Kluster Tawar mempunyai 79 kes positif," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Bagi Kluster Benteng LD, beliau memaklumkan, dua kes baharu dikesan di Tawau, Sabah, selepas 1,814 individu disaring di daerah itu dengan jumlah kes positif bagi kluster berkenaan setakat semalam seramai 130 orang.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia mencecah 9,583 kes setakat semalam dengan jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan ialah 312 kes.

Katanya, daripada 24 kes baharu yang dilaporkan, enam adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara membabitkan tiga warga Malaysia dan tiga bukan warganegara, termasuk dua yang pulang dari Bangladesh yang dikesan di Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur.

"Selain itu, satu kes pulang dari China yang dikesan di Sabah, satu kes pulang dari Indonesia juga dikesan di Sabah, satu kes pulang dari Singapura yang dikesan di Sarawak dan pulang dari Korea Selatan yang



**Kes import
membabitkan
bukan warganegara
adalah mereka yang
memasuki Malaysia
sebelum pelaksanaan
sekatan kemasukan
yang berkuat kuasa
7 September lalu.**

**Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan**

dikesan di Selangor.

"Kes import membabitkan bukan warganegara adalah mereka yang memasuki Malaysia sebelum pelaksanaan sekatan kemasukan yang berkuat kuasa 7 September lalu. Dua kes dari Bang-

ladesh tiba di Malaysia pada 6 September dan disaring pada hari sama.

"Satu kes dari China pula tiba di Malaysia pada 5 September dan disaring pada 6 September. Keputusan ujian saringan mereka dilaporkan positif COVID-19 hari ini (semalam). Begitu juga dengan beberapa kes import yang dilaporkan pada 8 September," katanya.

Mengenai kes jangkitan membabitkan petugas kesihatan, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 53 peratus daripada keseluruhan kes positif COVID-19 membabitkan kumpulan itu dikesan berpunca daripada penularan dalam kelompok mereka.

Katanya, terdapat peningkatan kes positif virus itu dalam kalangan petugas barisan hadapan terutama petugas sektor awam dan swasta kebelakangan ini dan ia membimbangkan kerana kumpulan terbabit berperanan penting sebagai tulang belakang sistem kesihatan negara.

"Jangkitan daripada komuniti sebanyak 22 peratus, jangkitan semasa pengurusan pesakit yang belum diketahui status COVID-19 pula 17 peratus. Setakat ini, tiada petugas kesihatan KKM dijangkiti COVID-19 ketika pengurusan pesakit, disahkan COVID-19 di wad COVID-19 atau di Unit Rawatan Rapi," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA
KHAMIS • 10 SEPTEMBER 2020

5

Dalam Negeri

Mati	Sembuh	Aktif	STATISTIK KES COVID-19	KESELURUHAN	Jumlah Keseluruhan	Jumlah Sembuh	Jumlah kematian
0	7	312			9,583	9,143	128

Kluster Sungai: Penduduk sedia jalani Temco

Oleh Zaid Mohd. Noor
zaid.noor@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Lebih 2,000 penduduk di Alor Merah berdekatan pusat perubatan swasta Kedah Medical Central (KMC) yang menjadi lokasi penularan Covid-19 bagi Kluster Sungai bersedia dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco).

Penduduk menegaskan, mereka sanggup mematuhi arahan sepanjang tempoh penguatkuasaan Temco untuk mengelakkan penularan wabak tersebut yang semakin serius.

Sejak Kluster Sungai diumumkan Isnin lalu, suasana di kawasan perkampungan tersebut mulai sunyi apabila penduduk takut keluar rumah masing-masing kecuali mempunyai urusan penting.

Seorang penduduk di Jalan Datuk Syed Ahmad, Alor Merah, **Ashaari Ahmad Sabri**, 34, berkata, kawasan perkampungan ini mulai lengang sejak penularan Kluster Sungai kerana kedudukannya dalam radius satu kilometer dari KMC.

Menurutnya, keadaan itu berlaku apabila penduduk takut un-



NORHAYATI Mokhtar termenung jauh ketika menunggu kehadiran pengunjung ke gerainya di Taman Selera Pumpung yang semakin berkurangan sejak penularan virus Covid-19 Kluster Sungai di Alor Setar, semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

tuk keluar dari rumah berikutan beberapa penduduk di sini juga dikesan positif kluster tersebut.

"Saya percaya penduduk bersedia menjalani Temco kerana kebanyakannya telah bertindak

awal menjalani 'perintah berkurung' di rumah sejak beberapa hari lalu," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara tinjauan di KMC pula mendapati operasi di hospital itu ditutup mulai semalam membabitkan perkhidmatan pesakit luar dan wad, namun masih menerima pesakit untuk kes kecemasan sahaja.

Seorang penduduk di Jalan Sekolah Sekolah, Alor Merah, **Samsudin Md. Zain**, 52, berkata, dia mengakui pelaksanaan Temco di kawasan ini akan menjejaskan pendapatannya yang bekerja sebagai pemandu lori kerana tidak dibenarkan keluar rumah.

"Bagaimanapun, soal keselamatan lebih penting pada masa ini selepas penularan kluster baharu di kawasan ini," ujarnya.

Sementara seorang peniaga kedai makan di Taman Selera Pumpung berhampiran KMC, **Norhayati Mokhtar**, 56, pula berkata, pendapatannya terjejas selepas pengunjung berkurangan berikutan penularan kluster itu.

"Semalam (kelmarin), cuma kira-kira 10 orang sahaja pengunjung yang datang ke kedai saya yang dibuka dari pukul 10 pagi hingga 10 malam," katanya.

Lebih separuh petugas kesihatan penyebar Covid-19

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan mendapati kes positif Covid-19 dalam kalangan petugas kesihatan kebanyakannya berpunca daripada penularan dalam kalangan mereka sendiri. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes penularan itu menyumbang sebanyak 53 peratus daripada keseluruhan kes melibatkan petugas kesihatan.

Menurutnya, ia sekali gus menunjukkan lebih separuh daripada petugas barisan hadapan yang dijangkiti wabak itu menjangkiti petugas kesihatan lain.

"Jangkitan daripada komuniti adalah sebanyak 22 peratus manakala jangkitan semasa pengurusan pesakit yang belum diketahui status Covid-19 pula

sebanyak 17 peratus," katanya dalam laporan harian mengenai perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Noor Hisham berkata, setakat ini tiada petugas kesihatan Kementerian yang dijangkiti virus tersebut semasa menguruskan pesakit positif Covid-19 di wad perubatan atau unit rawatan rapi.

Katanya, amat penting bagi petugas kesihatan memastikan langkah-langkah pencegahan jangkitan Covid-19 diambil pada setiap masa terutamanya semasa bertugas.

"Penjarakan fizikal yang selamat di tempat bertugas iaitu dalam kalangan rakan sekerja dan semasa pengurusan pesakit sewajarnya diamalkan sepanjang waktu bekerja. Begitu juga

dengan kebersihan kawasan seperti di kaunter jururawat, tempat makan, pantri, ruang solat dan tandas kakitangan," ujarnya.

Beliau menyarankan amalan dan garis panduan itu turut diikuti oleh semua pengamal perubatan serta petugas kesihatan di sektor swasta dan universiti.

Menurutnya, berbanding semalam, jumlah kes baharu positif Covid-19 menurun daripada tiga digit kepada dua angka iaitu sebanyak 24 kes sehingga pukul 12 tengah hari ini.

Katanya, ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 adalah sebanyak 9,583 kes dengan jumlah kes aktif kebolehhajatan Covid-19 adalah 312 kes. Kesemuanya telah diasingkan dan diberi rawatan.

"Daripada 24 kes baharu yang dilaporkan, enam kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan tiga rakyat tempatan dan tiga bukan warganegara. Enam kes import tersebut adalah dari Bangladesh, China, Indonesia, Singapura, Korea Selatan.

"Kes import yang melibatkan bukan warganegara telah memasuki Malaysia sebelum pelaksanaan sekatan memasuki pada 7 September lalu. Dua kes dari Bangladesh tiba di negara ini pada 6 September lalu dan disaring pada hari sama.

"Satu kes dari China pula tiba pada 5 September lalu dan disaring pada 6 September. Reputasi ujian saringan mereka dilaporkan positif Covid-19 hari ini," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

4 **Negara!**



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo! KHAMIS 10 SEPTEMBER 2020

13 lagi individu positif Covid-19 daripada Kluster Sungai

Kota Setar kini zon merah

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kes baharu jangkitan Covid-19 mencatatkan 24 kes semalam yang disumbangkan daripada peningkatan kes positif di empat kluster aktif dalam negara dengan paling tinggi membabitkan Kluster Sungai sebanyak 13 kes.

Tiga lagi kluster lain ialah Kluster Benteng LD dengan dua kes serta masing-masing satu kes di Kluster Tawar dan Kluster Telaga.

Pertambahan kes itu menjadikan daerah Kota Setar di Kedah selain Tawau dan Lahad Datu di Sabah dikategorikan sebagai zon merah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kira-kira 53 peratus kes dalam Kluster Sungai yang membabitkan petugas kesihatan di sebuah pusat perubatan di Kedah adalah berpunca daripada penularan dalam kalangan petugas kesihatan sendiri.

"Jangkitan daripada komuniti adalah sebanyak 22 peratus, manakala jangkitan semasa pengurusan pesakit yang belum diketahui status Covid-19 pula adalah sebanyak 17 peratus."

"Setakat ini, tiada petugas kesihatan yang dijangkiti sama-



SEBANYAK 53 peratus kes dalam Kluster Sungai membabitkan petugas kesihatan di KMC, Alor Setar sejak Isnin lalu.

sa pengurusan pesakit Covid-19 di wad khusus virus itu atau di Unit Rawatan Rapi," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, seramai 1,091 individu telah disaring dalam Kluster Sungai setakat ini dengan 39 didapati positif, 619 masih menunggu keputusan, manakala 433 adalah negatif.

"Selain itu, seramai 18,233

individu telah disaring dalam Kluster Tawar dengan 79 kes positif dan baki 18,154 adalah negatif.

"Saringan di Kluster Telaga pula meliputi 4,584 orang di Kedah dan Pulau Pinang dengan 128 masih menunggu keputusan, manakala 4,445 negatif dan 11 kes positif," ujarnya.

Berhubung Kluster Benteng LD, Noor Hisham berkata, dua

kes baharu semalam melibatkan tahanan warga asing di Penjara Tawau.

"Seramai 2,349 orang disaring setakat ini dengan 130 positif, 912 negatif dan 1,307 masih menunggu keputusan."

"Selain kes di empat kluster terbabit, terdapat satu lagi kes penularan tempatan membabitkan satu kes saringan bergejala di Hospital Sultanah Bahiyah," katanya.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, enam kes import pula melibatkan tiga warganegara dan tiga warga asing yang mendapat jangkitan dari Bangladesh, China, Indonesia, Singapura dan Korea Selatan.

Katanya, kes import melibatkan warga asing yang memasuki negara sebelum pelaksanaan sekatan kemasukan yang berkuat kuasa pada 7 September lalu.

"Dua kes dari Bangladesh yang dikesan di ibu negara dan Negeri Sembilan tiba, manakala satu kes dari China dikesan di Sabah. Keputusan ujian saringan mereka dilaporkan positif hari ini (semalam)."

"Kes dari Indonesia, Singapura dan Korea Selatan masing-masing dikesan di Sabah, Sarawak dan Selangor," katanya.

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	24
Import: 6 Tempatan: 18	
Pulih	7
Kematian	0
Masih dirawat	312
Jumlah kes sembuh	9,143
Jumlah Kematian	128
Jumlah kes keseluruhan	9,583

221 ingkar arahan PKPP

PUTRAJAYA – Seramai 221 individu ditahan atas pelbagai kesalahan ingkar Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dengan tangkapan paling tinggi seramai 118 individu membabitkan aktiviti di pub kelmarin.

Turut ditahan seramai 43 individu atas kesalahan aktiviti melibatkan kehadiran orang ramai yang menyukarkan penjarakan fizikal, manakala 34 tangkapan gagal menyediakan peralatan serta serta merekod butiran pelanggaran.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kesalahan lain tidak memakai pelitup muka (18), premis beroperasi lebih masa (lima), tangkapan pendatang asing tanpa izin (PATI) (dua) dan gagal mematuhi perintah kuarantin (satu).

"Daripada jumlah itu, seramai 212 individu telah dikompau, manakala lapan individu direman dan seorang dijamin," katanya di sini semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, seramai 61 PATI dan lima tekong ditahan menerusi Operasi Benteng kelmarin.

"Sebanyak 26 daripada PATI itu ditahan di Bandar Penawar, Johor atas kesalahan imigresen, manakala 12 PATI ditahan di Bukit Kayu Hitam, Kedah kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan diri sah," ujarnya.

Berhubung kuarantin wajib, Ismail Sabri berkata, sehingga semalam, seramai 25,688 individu pulang ke tanah air dan telah ditempatkan di 78 stesen kuarantin yang ditetapkan selepas arahan itu diwajibkan mulai 24 Julai lalu.

Ismail Sabri berkata, sebanyak sembilan operasi sanitasi meliputi enam Zon Hijau dilakukan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Mesej tular larangan kunjungi restoran mamak jejas pendapatan 4,000 ahli Presma

SEBERANG PERAI – Perniagaan hampir 4,000 ahli Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) terjejas susulan penularan mesej palsu berkaitan larangan mengunjungi restoran mamak ekoran dakwaan berlaku penyebaran virus Covid-19 sejak 27 Ogos lalu.

Ahli Jawatankuasa Kerja (AJK) Presma, Abdul Aziz Shik Ahmad berkata, penyebaran mesej palsu itu memberi kesan besar kepada ahli Presma apabila berlaku penyusutan pelanggan di restoran-restoran berkenaan setiap hari.

Sehubungan itu, katanya, satu laporan polis telah dibuat di Balai Polis Bukit Mertajam di sini pada 27 Ogos lalu selepas pihaknya menerima mesej melalui aplikasi WhatsApp iaitu 'Peringatan Kod Merah Kepada Seluruh Negara' pada pukul 3.28 petang dan 3.35 petang.

"Antara kandungan mesej itu

ialah 'orang ramai diminta menjauhkan diri dari kedai mamak, nasi kandar dan semua restoran India yang mengambil pekerja dari India sementara waktu, sekumpulan Covid-19 baru merebak ke seluruh negara'.

"Presma kesal dengan penyebaran mesej berkenaan yang berniat jahat ini sedangkan Kementerian Kesihatan telah mengesahkan bahawa perkara itu tidak benar."

"Penyebaran ini merosakkan reputasi seluruh restoran nasi kandar di negara ini," katanya pada sidang akhbar di Bukit Mertajam di sini semalam.

Abdul Aziz yang juga pemilik Restoran Nasi Kandar DINAS memberitahu, mesej palsu berkenaan turut dikesan disebarkan menerusi Facebook semalam.

"Justeru, kita harap pihak berkuasa dapat menyalut perkara ini dengan sewajarnya. Kita ada bukti tambahan



ABDUL AZIZ (kanan) menunjukkan mesej tular mengenai larangan berkunjung ke restoran mamak dan nasi kandar serta laporan polis yang dibuat berhubung perkara itu di Bukit Mertajam semalam.

yang boleh menyokong dakwaan mengatakan bahawa mesej yang ditularkan mengenai larangan

berkunjung ke restoran-restoran ini adalah palsu jika diperlukan," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NEGARA

62 premis kotor dikompaun

BESUT – Tiga premis makanan di daerah ini dan Setiu yang beroperasi dalam keadaan kotor diarah tutup oleh Jabatan Kesihatan Terengganu semalam.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Dr. Azimi Yunus berkata, kesemua premis makanan berkenaan dikenakan tindakan penutupan operasi sehingga 14 hari mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983 kerana gagal mencapai tahap minimum piawalan kebersihan ditetapkan.

Beliau berkata, seramai 64 anggota penguat kuasa pelbagai agensi telah memeriksa 54 premis makanan meliputi 34 restoran dan 20 gerai yang terdapat di kedua-dua daerah itu.

"Sebanyak 62 notis kompaun bernilai keseluruhan RM16,350 dikeluarkan pada operasi bersepadu yang dijalankan di premis makanan di daerah itu.

"Antara kesalahan yang dikenakan notis kompaun membabitkan pakaian pengendali makanan, tiada suntikan pelalian anti-tifoid dan memakai perhiasan diri sewaktu bekerja," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azimi berkata, selain itu notis



PEGAWAI Jabatan Kesihatan Terengganu menampal notis penutupan di sebuah restoran yang didapati kotor di Besut semalam.

kompaun juga dikeluarkan terhadap mereka yang tidak menjalani latihan pengendali makanan dan gagal memastikan premis bersih.

Katanya, notis kompaun dikeluarkan mengikut Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

"Pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Daerah Besut dan Majlis Daerah Setiu yang turut menyertai operasi turut mengeluarkan 16 kompaun berjumlah keseluruhan RM10,000 atas kesalahan gagal mematuhi syarat pelesenan," jelasnya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 32
RUANGAN : KOMUNITI KITA

32 Komuniti Kita!

Kosmo! KHAMIS 10 SEPTEMBER 2020

Pembaca Kosmo! kini boleh berkongsi foto-foto aktiviti menarik untuk disiarkan dalam ruangan ini. Sila e-mel foto aktiviti bersama keterangan gambar yang disertakan dengan nama dan nombor telefon anda. E-melkan kepada komunitikosmo@mediamulla.com.my



AHMAD SAIDI (tengah) bergambar kenangan bersama petugas Jabatan Kesihatan Perak pada Program Pendidikan dan Kawalan Pencegahan Aedes di pasar awam Batu Gajah baru-baru ini.

Jabatan Kesihatan Perak turun padang hapus sarang nyamuk aedes

KEMPEN. Kira-kira 50 kakitangan Jabatan Kesihatan negeri turun padang pada Program Pendidikan dan Kawalan Pencegahan Aedes

di pasar awam Batu Gajah, Perak baru-baru ini.

Mengetuai program itu ialah Pengerusi Jawatankuasa

Kesihatan dan Sains negeri, Ahmad Saidi Mohamad Daud bersama Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Ding Lay Ming.

Mereka menyampaikan cenderahati serta bahan promosi kepada orang ramai termasuk para peniaga di pasar berkenaan.

Orang ramai juga dinasihat agar memastikan kebersihan di kawasan masing-masing sebagai langkah pencegahan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

6 www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Khamis 10.09.2020 | Harian Metro

lokal

Cadangan PKPD di kawasan Kluster Sungai dan Telaga

Alor Setar: Kerajaan negeri mengemukakan cadangan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran dilaksanakan di kawasan jangkitan Covid-19 bagi Kluster Sungai dan Telaga.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor berkata, cadangan itu akan dibawa pada Mesyuarat Khas Jawatankuasa Keselamatan Negeri Covid-19 membabitkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan beberapa agensi lain.

Katanya, ia berikutan hanya pelaksanaan PKPD Secara Pentadbiran berjaya



PEKERJA pembersihan menggunakan sanitizer sebelum memulakan tugas di Kompleks Pekan Rabu.

memberi kesan positif bagi mengekang penularan wabak itu seperti Kluster Si-

vagangga di Napoh dan Kluster Tawar di Amanjaya, Sungai Petani.



SUASANA di Pasar Nelayan Seberang Kota Kuala Kedah lantang.

Kuala Lumpur: Kes positif Covid-19 membabitkan petugas kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kebanyakannya berpunca daripada penularan dalam kalangan mereka

sendiri.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini menyumbang 53 peratus daripada keseluruhan kes yang membabitkan petugas

kesihatan.

"Ini bermakna lebih separuh daripada petugas kesihatan positif Covid-19 berjangkit daripada petugas kesihatan lain," katanya.

Menurutnya, jangkitan daripada komuniti sebanyak 22 peratus manakala jangkitan semasa pengurusan pesakit yang belum diketahui status Covid-19 pula sebanyak 17 peratus.

"Setakat ini, tiada petugas kesihatan KKM yang dijangkiti Covid-19 semasa pengurusan pesakit disahkan Covid-19 di wad Covid-19 atau di Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Justeru amat penting bagi petugas kesihatan memastikan langkah pencegahan jangkitan Covid-19 diambil setiap masa terutama semasa bertugas," katanya.



ORANG ramai memakai pelitup muka ketika berjalan di hadapan Masjid Zahir berikutan penularan wabak COVID-19.

Pertambahan kes

KKM maklum peningkatan babit 4 kluster



Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia mengumumkan terdapat pertambahan kes Covid-19 bagi

empat kluster membabitkan Kluster Sungai, Kluster Telaga, Kluster Tawar dan Kluster Benteng LD, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bagi Kluster Sungai, sebanyak 1,091 saringan dilakukan secara keseluruhan dengan Kedah seramai 1,056 orang disaring, 38 kes positif Covid-19 (13 kes baharu), 432 individu negatif dan 586 individu masih menunggu keputusan.

Menurutnya, di Pulau Pinang pula, 31 kes disaring, seorang individu negatif, 30 individu masih menunggu keputusan manakala di Perlis empat orang disaring, sa-

tu kes dikesan positif Covid-19 dan tiga individu masih menunggu keputusan.

"Bagi Kluster Telaga (jumlah saringan 4,584) di mana di Kedah 4,537 orang disaring, 11 kes dikesan positif Covid-19 (1 kes baharu), 4,399 individu negatif dan 127 individu masih menunggu keputusan.

"Di Pulau Pinang 47 orang disaring, 46 individu negatif dan satu individu masih menunggu keputusan," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, bagi Kluster Tawar, jumlah saringan 18,233 apabila di Kedah 17,659 individu disaring, 68 kes dikesan positif Covid-19 (satu kes baharu)

dan 17,591 individu negatif.

"Di Pulau Pinang 563 orang disaring, 11 kes dikesan positif Covid-19 dan 552 individu negatif manakala di Perak semua 11 saringan negatif.

"Bagi Kluster Benteng LD, Sabah, jumlah saringan 2,349 iaitu Tawau 1,814 orang disaring, 43 kes dikesan positif Covid-19 (dua kes baharu), 625 individu negatif dan 1,146 individu masih menunggu keputusan," katanya.

Beliau berkata, bagi Kluster Benteng LD di Lahad Datu, 535 orang disaring, 87 kes dikesan positif Covid-19, 287 individu negatif dan 161 individu masih menunggu keputusan.

Kembali turun 2 angka

Kuala Lumpur: Kes Covid-19 kembali turun dua angka apabila mencatatkan 24 kes baharu sehingga 12 tengah hari, semalam.

Ia menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 di negara ini sebanyak 9,583 kes dengan 312 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 24 kes baharu, enam kes import yang mendapat jangkitan di luar negara membabitkan tiga warganegara dan tiga bukan warganegara.

Menurutnya, enam kes import itu dari Bangladesh (dua kes, masing-masing satu di Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); China (satu kes di Sabah); Indonesia

(satu kes di Sabah); Singapura (satu kes di Sarawak); dan Korea Selatan (satu kes di Selangor).

"Kes import yang membabitkan bukan warganegara ini sudah memasuki Malaysia sebelum pelaksanaan sekatan kemasukan yang berkuat kuasa 7 September lalu.

"Dua kes dari Bangladesh tiba di Malaysia pada 6 September dan disaring pada hari sama, manakala satu kes dari China tiba di Malaysia pada 5 September dan disaring pada 6 September," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, keputusan ujian saringan mereka dilaporkan positif Covid-19, semalam.

221 ingkar arahan PKPP ditahan polis

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menahan 221 individu kerana ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), kelmarin.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, daripada jumlah itu 212 individu dikompakan dan lapan direman manakala seorang lagi dijamin.

Menurutnya, antara kesalahan ingkar arahan PKPP termasuk aktiviti kelab malam (118), gagal menyediakan peralatan atau merekod butiran pelanggan (34), penjarakan fizikal (43), tidak memakai pelitup muka (18), premis beroperasi lebih masa (5), tangkapan pendatang asing tanpa izin (2) dan gagal mematuhi

perintah kuarantin (1).

"Pasukan Khas Operasi Pematuhan diketuai PDRM juga membuat 61,462 pemeriksaan semalam bagi memantau dan menguatkuasa pematuhan prosedur operasi standard (SOP) PKPP," katanya.

Berkaitan kuarantin wajib, beliau berkata, sejak 24 Julai sehingga kelmarin, 25,688 individu pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antara-bangsa dan ditempatkan di 70 hotel, lapan Institut Latihan Awam (ILA) serta institut pengajian swasta di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Sarawak, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Terengganu, Sabah serta Labuan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Khamis 10.09.2020

 @hmetromy  HarianMetro  @hmetromy  www.hmetro.com.my

7

lokal

Bimbang kes positif meningkat

Tinjauan dapati orang ramai setuju kerajaan laksana semula PKPD di kawasan zon merah



Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Peningkatan jumlah jangkitan Covid-19 sehingga 100 kes kelmarin menimbulkan kerisauan dalam kalangan masyarakat.

Tinjauan Harian Metro di ibu kota semalam mendapati orang ramai mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dengan memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan fizikal.

Namun, rata-rata yang ditemui bersetuju jika kerajaan melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan zon merah.

Pelajar, Wan Nur Asyiqin Beren, 18, mengakui bimbang dengan peningkatan mendadak kes Covid-19.

"Terkejut dengan kenaikan kes semalam (kelmarin) dan saya sekarang hanya akan keluar (rumah) jika ada perkara penting."

"Saya harap semua orang turut peka dan mematuhi SOP memandangkan kes jangkitan Covid-19 masih tinggi," katanya.

Bagi Chandra Musami, 50, dia berpendapat larangan rentas negeri mampu mengurangkan pergerakan orang ramai, sekali gus mengawal penularan wabak itu.

Katanya, memandangkan kes jangkitan mencecah tiga angka kelmarin, dia kini bimbang



WAN Nur Asyiqin



CHANDRA

lebih ramai akan terdedah dengan wabak Covid-19.

"Saya bersetuju jika PKPD dilaksanakan, tetapi kita tahu ia akan menjejaskan aktiviti harian terutama bagi mereka yang berniaga dan bekerja."

"Oleh sebab itu, kita perlu patuh dan jangan bersikap sambil lewa dengan SOP yang ditetapkan kerajaan," katanya.

Kelmarin, negara kembali mencatatkan jangkitan baharu Covid-19 sebanyak 100 kes menjadikan jumlah kumulatif 9,559 jangkitan wabak itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, daripada 100 kes baharu yang dilaporkan, 85 kes adalah kes tempatan manakala baki 15 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.



ORANG ramai mematuhi SOP dengan memakai pelitup muka sebagai langkah berjaga-jaga mengawal penularan wabak Covid-19 ketika tinjauan di Bukit Bintang, Kuala Lumpur, semalam.

Jangkitan kembali
catat tiga digit
kelmarin

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

10

#JanganPutusAsa
#Malaysia

MEMERANGI WABAK COVID-19

KHAMIS 10 SEPTEMBER 2020 • SINAR HARIAN

24 kes baharu positif Covid-19 dikesan

Kes penularan tempatan membabitkan 16 rakyat tempatan dan dua warga asing

Oleh TUAN BUQHAIHAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

